

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXVI)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

4. Apakah usaha yang dilakukan oleh pihak berautoriti bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Bakar Kapor dan Permatang Rawa Tepi Laut?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Perkampungan kawasan Bakar Kapor merupakan kawasan rendah dan kejadian banjir kilat akan berlaku sekiranya terdapat hujan lebat secara berterusan disertakan dengan fenomena air laut pasang besar. Ini adalah disebabkan oleh saluran parit kawasan tersebut tidak dapat mengalir ke laut akibat kejadian air pasang laut.

Manakala kawasan Permatang Rawa tepi laut pula, kejadian banjir kilat akan terjadi sekiranya hujan lebat berterusan di kawasan tersebut disebabkan tiada sistem perparitan yang sempurna.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Seberang Perai Utara (JPS SPU) dan Pejabat Daerah dan Tanah SPU sentiasa memastikan sistem saluran bagi kawasan berkenaan diselenggara dengan baik dan memastikan ianya berfungsi dengan sempurna semasa hujan lebat. Bagi kemudahan infrastruktur longkang di kawasan kampung, aduan kerosakan atau permohonan boleh dikemukakan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara untuk siasatan dan tindakan selanjutnya.